

22/08/2001

Satelit ketiga dilancar 2004

Mustapa Omar in Kampala

KAMPALA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengumumkan, Malaysia akan melancarkan satelit ketiga, Africa-MeaSat (A-M Sat) pada pertengahan 2004.

Mengumumkan perkara itu pada sesi terakhir Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001) di sini, Perdana Menteri berkata, satelit berkenaan bernilai AS\$200 juta (RM760 juta) dan jangka hayat operasinya 15 tahun.

Beliau berkata, kawasan liputan A-M Sat ialah Afrika dan Eropah, manakala keutamaan penggunaannya diberi kepada stesen kalangan negara anggota SAID.

Satelit itu akan menggunakan transponder 24 C-band dan 12 Ku-band. Ia akan dilancarkan dalam orbit Malaysia pada kedudukan 5.7 darjah Timur.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menjemput negara Afrika turut serta atau berkongsi dalam projek satelit berkenaan.

Dr Mahathir berkata, pelancaran satelit itu kelak memberi manfaat kepada Malaysia dan negara Asia Tenggara lain dalam rangkaian hubungan komunikasi dengan negara Afrika.

Perdana Menteri turut mengumumkan Langkawi akan menjadi tuan rumah Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), tahun depan.

Sebelum ini, Measat 1 dilancarkan oleh Ariane-4 dari pusat angkasa lepas Arianespace, iaitu sebuah konsortium pelancar satelit Eropah berpangkalan di Kourou, Guyana Perancis, Amerika Selatan, tepat jam 20.10 malam pada 12 Januari 1996, (13 Januari di Malaysia, jam 7.10 pagi).

Ia dilancarkan ke orbit setinggi 36,000 kilometer di atas Garisan Khatulistiwa. Pada orbit itu, ia dikawal Pusat Kawalan Satelit di Langkawi.

Measat 1 kini berada dalam orbit pemindahan-geo dan akan mengorbit bumi lapan kali sebelum diubah pada kedudukan yang ditetapkan dalam perancangan, iaitu pada ruang orbit 91.5 darjah Timur.

Hasil kejayaan pelancaran Measat 1, Malaysia melancarkan satu lagi satelit dari siri itu yang dinamakan Measat 2, pada 13 November tahun yang sama pada jam 19.40 malam (14 November, di Malaysia, jam 6.40 pagi), juga dari pangkalan di Kourou.

Berikutan pelancaran satelit itu, negara dapat menjimatkan kira-kira RM35 juta setahun daripada penyewaan satelit negara lain.

Measat 1 meningkatkan keupayaan negara dalam bidang telekomunikasi, terutama penguasaan pancaran rangkaian televisyen kerana sebelum ini Malaysia terpaksa menggunakan perkhidmatan satelit negara asing.

(END)